

Jenayah Siber

KENALI 5 JENIS PENIPUAN ONLINE TERKENAL

1. Penipuan Phishing E-Mail

Penipuan Phishing adalah berdasarkan kepada komunikasi yang dilakukan melalui e-mail atau media sosial. Penjenayah siber akan menghantar e-mail kepada anda dan cuba menipu anda untuk memberi butiran log masuk anda - akaun bank, rangkaian sosial, akaun kerja, storan cloud atau lain-lain butiran peribadi yang bernilai kepada mereka.

2. Penipuan Money Laundering atau Nigerian Letter

Penipuan bermula dengan mesej berbaur emosi. Ia mungkin berupa e-mail yang dihantar oleh badan kerajaan, peniaga atau waris kepada keluarga yang kaya-raya (kebiasaannya wanita) yang meminta bantuan anda untuk mengeluarkan sejumlah besar wang daripada bank dengan membayar yuran pendahuluan yang kecil untuk penyediaan dokumen dan hal-hal guaman. Sebagai balasan, mereka menjanjikan anda jumlah wang yang besar atas bantuan anda.

3. Penipuan Loteri

Penipuan loteri ini datang dalam bentuk e-mail memaklumkan anda bahawa anda telah memenangi sejumlah besar wang tunai dan anda cuma perlu membayar sejumlah yuran yang sedikit untuk mendapatkannya.

4. Penipuan pinjaman bank atau kredit kad terjamin

Ramai yang tertipu dengan tawaran bank yang kelihatan menarik menjanjikan anda sejumlah besar wang yang diluluskan oleh pihak bank. Tetapi hakikatnya ramai yang menjadi mangsa dan telah kehilangan wang mereka sendiri akibat membayar “yuran pemprosesan wajib” yang diperlukan oleh penipu tersebut.

5. Penipuan Skim Cepat Kaya/ Skim Pyramid/ Skim Ponzi

Merupakan satu skim di mana sejumlah wang akan didepositkan atau dilaburkan kepada penganjur skim cepat kaya dengan janji dan syarat bahawa wang deposit tersebut akan dipulangkan kembali dengan faedah atau keuntungan yang dijanjikan. Terdapat pelbagai jenis skim cepat kaya, antaranya adalah Skim piramid dan Skim Ponzi. Di Malaysia Skim Cepat Kaya yang paling terkenal adalah skim Pak Man Telo.